

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HHA 101/NSK 002 Pengantar Seni Halus

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

ARAHAN

Jawab SEMUA soalan dengan jelas, tepat dan ringkas.

Perhatikan dengan teliti karya-karya yang ditayangkan. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berhubungan dengan karya berkenaan. Sila ambil perhatian bahawa maklumat tertentu mengenai karya tidak semestinya diberi bagi semua karya.

Setiap slaid akan ditayangkan selama 7 minit dan diulangkayang selama 3 minit lagi selepas semua slaid telah ditayangkan sekali.

Had maksimum penulisan bagi tiap-tiap karya ialah DUA [2] muka surat. **JANGAN MELEBIHINYA.**

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Berikut ialah soalan-soalan dan maklumat mengikut susunan tayangan slaid: yakni, soalan nombor 1 untuk tayangan slaid pertama, dan seterusnya.

1. Pelukis: Kok Yew Puah  
Tajuk: Kenyataan  
Tahun: 1992  
Bahantara: Cat akrilik atas kanvas

Apakah yang boleh anda faham tentang kehidupan semasa daripada menghayati lukisan ini?

2. **Pelukis:** Sharifah Zuriah Aljeffri  
**Tajuk:** Bosnia 22  
**Tahun:** 1992  
**Bahantara:** Berus dan dakwat Cina

Apakah yang anda boleh tafsirkan sebagai "mesej" lukisan ini?

3. **Pelukis:** Peter Gelenscer  
**Tajuk:** Transformasi  
**Tahun:** 70an  
**Bahantara:** Arca batu marmar

Pada pendapat anda, bagaimanakah "transformasi" boleh ditafsirkan daripada arca di USM ini? Untuk makluman anda, transformasi yang dimaksudkan di sini adalah berhubung dengan proses pendidikan. Bagaimanakah idea itu dijalankan pada arca ini?

4. Berikan tafsiran anda mengenai karya dari Republik Rakyat Cina ini yang dihasilkan pada tahun 1973. Untuk makluman anda gadis-gadis ini sedang memungut herba.
5. Pada pendapat anda, apakah yang ingin dinyatakan oleh pelukis ini tentang "kampung" dengan menggambarkannya sebegitu rupa?
6. Dengan teliti, terangkan apa yang anda lihat pada lukisan ini, seolah-olah anda sedang menggambarkannya kepada seorang yang tidak melihatnya tetapi ingin tahu bentuk dan kandungan lukisan berkenaan.

-ooo000ooo-